KAJIAN TAHAP KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PESERTA TAHFIZ PROGRAM UPAYA BAKAT 2024 BAGI KURSUS KIMPALAN MIG

Mohd Zulfadly Nasir*, Noor Ain Faudzi , Khairul Anwar Nordin

Kolej Komuniti Bandar Darul Aman, Malaysia

Corresponding author's email: zulfadly@staf.kkbda.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan peserta tahfiz yang mengikuti Program Upaya Bakat 2024 bagi Kursus Kimpalan MIG anjuran Kolej Komuniti Bandar Darul Aman. Program ini dilaksanakan sebagai inisiatif untuk memperkasakan pelajar tahfiz melalui pendedahan kepada kemahiran teknikal dan keusahawanan sebagai alternatif kerjaya yang lebih mampan dan bebas daripada kebergantungan terhadap satu sumber pendapatan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif dengan mengedarkan soal selidik kepada 28 orang peserta. Instrumen soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian yang merangkumi maklumat demografi, ciri keusahawanan, motivasi terhadap keusahawanan dan kesungguhan menceburi bidang keusahawanan.Hasil analisa menunjukkan bahawa 59% peserta memilih untuk menjadi usahawan. Tahap kecenderungan keusahawanan peserta berada pada tahap tinggi, terutama dari aspek motivasi diri, keinginan memperbaiki taraf hidup, dan aspirasi untuk mencontohi individu berjaya dalam perniagaan dengan majoriti nilai min melebihi 3.67. Hasil kajian juga membuktikan faktor kewangan menjadi penghalang kepada pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar tahfiz dengan nilai min rendah 2.18. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak inisiatif latihan keusahawanan yang bersifat holistik dan sokongan kewangan disediakan bagi memastikan potensi keusahawanan peserta tahfiz dapat direalisasikan. Kajian ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pendekatan integrasi kemahiran teknikal dan keusahawanan dalam kalangan pelajar tahfiz mampu menjadi salah satu jalan keluar daripada tekanan ekonomi dan menyumbang kepada pembentukan usahawan teknikal berdaya saing dari aliran pendidikan agama.

Kata kunci: Keusahawanan, Tahfiz, Kimpalan MIG, TVET, Pembangunan diri

1. Pengenalan

Kolej Komuniti Bandar darulaman adalah sebuah institusi Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (TVET) yang menawarkan kursus-kursus teknikal secara sepenuh masa. Selain dari itu Kolej Komuniti Bandar Darulaman di bawah unit pendidikan sepanjang hayat juga menawarkan kursus-kursus secara sambilan dan di tawarkan secara terbuka kepada komuniti sekitar. Fokus utama penawaran kursus-kursus secara sambilan ini adalah bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada peserta-peserta dalam komuniti setempat bagi menyertai kursus-kursus yang di tawarkan mengikut kesesuian masa masing-masing. Ini secara langsung dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangang komuniti setempat.

Terdapat juga program-program khas yang di anjurkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang dipertangungjawabkan pengelolaanya kepada institusi pendidikan di abawah Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kebiasaanya program-program khas ini adalah program yang dilaksanakankan secara percuma. Sebagai contoh adalah program Upaya bakat. Terdapat pelbagai kursus yang di tawarkan oleh pihak koleh komuniti bandar darul aman melalui program upaya bakat anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) ini. Salah satu kursus yang dilaksanakan adalah kursus kimpalan MIG yang mana kursus ini ditawarkan pada salah sebuah pusat pengajian islam dalam komuniti setempat. Ia bertujuan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar pusat pengajian islam ini untuk mempelajari kemahiran teknikal.

selain dari memperkenalakan kemahiran teknikal dalam kalangan pelajar-pelajar pusat pengajian islam, mereka juga diketengahkan dengan kemahiran keusahawanan yang mana ianya bertujuan bagi memperbanyakan lagi peluang kerja kepada pelajar-pelajar pusat pengajian islam ini. Secara tidak langsung ianya mampu mengeluarkan mereka dari kebergantungan kepada satu sumber dalam menjana pendapatan.

2. Penyataan masaalah

Peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan belia telah menimbulkan keperluan mendesak untuk melahirkan individu yang bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal, tetapi juga mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi. Kecenderungan belia masa kini memilih pekerjaan yang bukan di dalam bidang seperti bekerja sebagai penghantar makanan merencatkan jajaran pendidikan yang digubal oleh kerajaan. Selain dari silibus pengajian agama yang perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar tahfiz, kursus kimpalan MIG yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti Bandar Darulaman di bawah program upaya bakat ini memperkukuhkan lagi kemampuan diri para pelajar. Hakikatnya tidak semua peserta memanfaatkan kemahiran tersebut untuk menceburi bidang keusahawanan.

Terdapat kebimbangan bahawa walaupun mereka memiliki kemahiran teknikal yang tinggi, minat, sikap, dan keupayaan untuk menjadi usahawan masih berada pada tahap yang rendah. Kajian berkaitan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan peserta kursus teknikal, khususnya dalam bidang kimpalan MIG, masih terhad. Tanpa pemahaman yang jelas tentang tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan peserta kursus ini, usaha untuk melahirkan usahawan teknikal yang berjaya akan terbantut. Oleh itu, adalah penting untuk menilai dan memahami tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan peserta kursus kimpalan MIG bagi membolehkan penggubalan strategi latihan dan sokongan yang lebih berkesan.

3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar tahfiz yang mengikuti kursus kimpalan MIG, menganalisis hubungan antara faktor demografi (seperti umur, tahap pendidikan, dan pengalaman kerja) dengan kecenderungan keusahawanan peserta kursus, menilai pengaruh faktor dalaman (seperti minat, sikap, dan motivasi) terhadap kecenderungan peserta untuk menceburi bidang keusahawanandan mencadangkan strategi atau

pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan peserta kursus kimpalan MIG.

4. KAJIAN LITERATUR

Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Dalam konteks ekonomi semasa, TVET bukan sahaja berfungsi untuk menyediakan kemahiran teknikal, tetapi juga untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar dan peserta latihan (Hashim & Yusoff, 2021). Kajian oleh Jamaludin et al. (2020) mendapati bahawa peserta kursus kemahiran seperti automotif, elektrik dan kimpalan menunjukkan potensi yang tinggi untuk menceburi bidang keusahawanan sekiranya mereka diberikan pendedahan dan latihan yang sesuai. Namun begitu, cabaran utama ialah kekurangan pengetahuan dalam aspek pengurusan perniagaan dan pemasaran, yang sering kali tidak ditekankan dalam latihan kemahiran teknikal.

Kimpalan MIG merupakan kemahiran yang mempunyai permintaan tinggi dalam industri pembinaan dan pembuatan. Potensi untuk menjadikan kemahiran ini sebagai sumber pendapatan melalui perniagaan sendiri adalah tinggi. Namun, menurut kajian oleh Ahmad & Hassan (2019), hanya segelintir peserta kursus kimpalan menunjukkan minat untuk menjadi usahawan, dan kebanyakannya lebih cenderung mencari pekerjaan tetap selepas tamat latihan. Faktor demografi seperti umur, latar belakang keluarga, dan pendidikan ibu bapa didapati memainkan peranan dalam membentuk kecenderungan keusahawanan (Ismail, Zainol & Munirah, 2017). Selain itu, sokongan institusi latihan dan ketersediaan pembiayaan turut memberi kesan terhadap keputusan peserta untuk menceburi bidang perniagaan selepas latihan

Penerapan elemen keusahawanan dalam kursus teknikal seperti kimpalan MIG dapat memperluaskan peluang kerjaya dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerjaan bergaji. Kecenderungan keusahawanan merujuk kepada minat, sikap, dan kecenderungan seseorang individu untuk memulakan dan mengurus perniagaan. Menurut Ajzen (1991), teori Perancangan Tingkah Laku (Theory of Planned Behaviour) menjelaskan bahawa niat keusahawanan dipengaruhi oleh sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Dalam konteks peserta kursus kemahiran, faktor seperti keyakinan diri, motivasi, dan pengalaman hidup juga mempengaruhi kecenderungan ini (Norasmah & Salmah, 2018).

5. METODOLOGI KAJIAN

4.1 **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini adalah kajian kuantitati deskriptif yang bertujuan untuk mengkaji kecenderungan keusahawanan dalam kalangang peserta tahfiz program uapaya bakat 2024: kursus kimpalan MIG.

4.2 **Sampel Kajian**

Kajian ini telah melibatkan seramai 30 peserta kursus yang telah mengikuti kursus yang dilaksanakan oleh di Kolej Komuniti Bandar Darulaman di bawah program upaya bakat 2024: kursus kimpalan MIG. Namun hanya 28 responden sahaja yang menjawab soal selidik yang di edarkan.

4.3 **Instrumen kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: Bahagian A (Maklumat Demografi), Bahagian B (Ciri-ciri Keusahawanan dalam diri pelajar), Bahagian C (Motivasi Pelajar Terhadap Kerjaya Keusahawanan selepas mengikuti program di kolej Komuniti Bandar Darulaman) dan Bahagian D (Tahap kesungguhan pelajar untuk menceburkan diri dalam keusahawanan). Lima skala yang ditetapkan dalam soal selidik ini iaitu skala 1 (Sangat Tidak Setuju), skala 2 (Tidak Setuju), 3(Tidak Pasti), skala 4 (Setuju) dan skala 5 (Sangat Setuju).

4.4 **Analisa Data**

Data-data daripada borang soal selidik dan pemerhatian dianalisa dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pemboleh ubah kajian. Data yang telah direkodkan dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS dan pendekatan yang digunapakai adalah analisa kuantitatif secara deskriptif. Analisa deskriptif merupakan teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1.


Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah/Tidak Sesuai
2.34 hingga 3.66	Sederhana/Agak Sesuai
3.67 hingga 5.00	Tinggi/Sesuai

Jadual 1 : Interpretasi Skor Min
Sumber : Ubahsuai daripada Ab. Halim (2010)


6. DAPATAN

6.1 Bahagian A

Berdasarkan soal selidik yang telah diberi, kesemua 28 responden adalah terdiri daripada lelaki. Ini adalah disebabkan kesmua peserta kursus kimpalan MIG adalah lelaki. Daripada jumlah responden tersebut 21 orang responden adalah dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun. 6 orang responden berusia lebih dari 18 tahun manakala peserta yang berusi di bawah 12 tahun adalah seorang.(rujuk carta 1). Berdasarkan 3 kelompok peserta yang di pecahkan mengikut julat usia, kelompok peserta yang berada dalam julat 13 hingga 17 tahun berada dalam tahun 3 dan 4 pengajian dengan masing-masing 11 dan 10 orang responden. Kelompok julat usia 18 tahun dan ke atas berada dalam tahun ke lima pengajian manakala seorang responden yang berada dalam kelompok julat usia di bawah 12 tahun berada dalam tahun pertama pengajian.




Carta 1: julat usia peserta kursus




Carta 2: Tahun pengajian peserta kursus

Daripada 28 orang responden yang menjawab soal selidik ini, 24 reponden tidak mempunyai sebarang pengalaman berniaga sebelum ini. Selebihnya seramai 4 orang responden memberi jawapan pernah menjalankan perniagaan (rujuk carta 3). Data ini di sokong oleh dapatan pada carta 4:ahli keluarga yang mempunyai perniagaan dengan seramai 4 orang responden mempunyai ahli keluarga yang mempunyai perniagaan manakala 24 orang responden tidak mempunyai ahli keluarga yang memiliki perniagaan.




Carta 4: PENGALAMAN BERNIAGA




Carta 3:AHLI KELUARGA YANG MEMPUNYAI PERNIAGAAN

Data yang di tunjukan dalam carta 5: pengalaman peserta menghadiri kursus keusahawanan, menunjukan hampir kesemua responden belum pernah menghadiri kursus yang berasaskan keusahawanan (27 orang). Hanya seorang sahaja yang mempunyai pengalaman menghadiri kursus keusahawanan. Selain dari itu soalan dalam soal selidik yang diberi berkaitan dengan pilihan kerjaya di masa depan menunjukan dapatan yang hampir seimbang dengan pilihan kerjaya sebagai usahawan mendominasi(58.62%). Manakala 41.38% memilih untuk makan gaji sebagai pilihan kerjaya masa depan mereka. Dapatan ini menjadi pemangkin untuk mengukuhkan alasan mengapa kajian ini di buat berikutan masih ramai yang tidak menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya masa depan utama.



Carta 5: PENGALAMAN PESERTA MENGHADIRI KURSUS KEUSAHAWANAN



Carta 6: PILIHAN KERJAYA MASA DEPAN

6.2 Bahagian B

Berdasarkan analisis min yang dijalankan, didapati bahawa majoriti item berada pada tahap tinggi (min antara 3.67 hingga 5.00), sekali gus mencerminkan penguasaan kukuh terhadap pelbagai ciri keusahawanan dalam kalangan responden. Item yang mencatatkan min tertinggi ialah item 14 (min=4.07) yang berkaitan dengan pendirian dan bersikap fleksibel mengikut keadaan persekitaran. Ini menunjukkan bahawa responden memiliki tahap daya tahan dan adaptasi yang baik dalam menangani cabaran serta perubahan. Seterusnya, item 8 (bertanggungjawab terhadap amanah) dan item 12 (sentiasa bertenaga dan bersemangat) juga mencatatkan skor tinggi dengan masing-masing menunjukan nilai min 4.04, membuktikan tahap komitmen dan motivasi intrinsik yang tinggi dalam kalangan mereka. Item-item seperti item 5 (komited), item 13 (menepati masa), dan item 4 (bersungguh-sungguh) juga menunjukkan tahap min tinggi, memperlihatkan disiplin yang tinggi dan kepatuhan kerja yang baik.

Sebaliknya, dua item mencatatkan tahap sederhana iaitu item 1 (mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang, min=3.10) dan item 2 (bijak membuat keputusan spontan, min=3.43). Tahap sederhana ini menunjukkan bahawa aspek perancangan masih belum dikuasai sepenuhnya oleh sebahagian besar responden. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Lim dan Hassan (2021), yang

mendapati usahawan muda di Malaysia kurang memberi perhatian kepada perancangan jangka panjang, menyebabkan perniagaan sukar bertahan dalam jangka masa panjang. Manakala menurut kajian Zakaria et al. (2022), kejayaan usahawan banyak bergantung kepada gabungan nilai dalaman seperti disiplin, tanggungjawab, dan keupayaan menyesuaikan diri, sebagaimana yang ditunjukkan dalam skor tinggi bagi kebanyakan item dalam kajian ini

6.3 Bahagian C

Hasil analisis terhadap 14 item soal selidik pada bahagian C menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, peserta kursus kimpalan MIG menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan yang tinggi, dengan sebahagian besar nilai min berada dalam julat 4.00 hingga 4.61. Ini memberi gambaran bahawa majoriti peserta mempunyai minat, aspirasi dan motivasi untuk menceburi bidang keusahawanan selepas tamat latihan. Faktor ekonomi dan tahap kewangan antara pencetus motivasi dalam kalangan peserta kursus kimpalan MIG. Ia dapat di lihat melalui soalan soal selidik yang melibatkan aspek kewangan di mana julat min adalah yang tertinggi diantara 4.4 hingga 4.7. Sebagai contoh soalan soal selidik bahagian C nombor item 10, “Saya tidak rela dihimpit oleh beban kewangan akibat kos sara hidup yang tinggi” menunjukan dapatan min 4.61. contoh lain yang boleh diambil kira adalah soalan 13, Saya tidak mahu menjalani kehidupan yang mencabar lantaran kebergantungan kepada bantuan orang lain” menunjukan dapatan min 4.57. Dalam konteks ini, keusahawanan dilihat sebagai strategi keluar daripada tekanan ekonomi serta kaedah untuk memperbaiki taraf hidup.

Selain dari itu,peningkatan motivasi Diri dan Aspirasi peserta kursus melalui contoh dan tauladan dari individu-individu yang telah berjaya juga dengan memainkan peranan yang penting dalam mencorak keinginan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dalam kalangan peserta kursus. Ini dapat dilihat dari beberapa item soalan yang memberi motivasi dan aspirasi kepada peserta sebagai contoh Item 14, “Saya mahu mencontohi idola saya yang berjaya dalam perniagaan” mendapat nilai min 4.29. Peserta kursus juga memberikan maklum balas yang positif melalui soalan 2, “Saya termotivasi untuk berniaga setelah mempelajari ilmu dan kemahiran perniagaan” dengan nilai min 4.11 menunjukkan bahawa peserta mempunyai aspirasi tinggi dan pemikiran ke hadapan terhadap keusahawanan, bukan sahaja sebagai kerjaya peribadi, malah sebagai platform untuk memberi manfaat kepada komuniti.

Dapatan turut menunjukkan bahawa faktor luaran seperti kejayaan rakan-rakan (Item 3, min = 4.00), iklan bantuan perniagaan (Item 6, min = 4.04) dan pelbagai bentuk bantuan kerajaan (Item 7, min = 4.11) turut menyumbang kepada kecenderungan keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa peserta memberi perhatian kepada persekitaran sosial dan dasar kerajaan sebagai faktor yang memotivasikan mereka. Menariknya, item berkaitan pendapatan sampingan (Item 4) mencatatkan min paling rendah iaitu 3.11, menandakan bahawa peserta tidak melihat keusahawanan sebagai aktiviti sambilan, sebaliknya cenderung untuk menjadikannya sebagai kerjaya utama. Ini selari dengan nilai tinggi pada item berkaitan matlamat hidup dan tidak selesa bekerja makan gaji (Item 12, min = 4.04).

6.4 Bahagian D

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, responden mempunyai kecenderungan yang sangat tinggi terhadap pembangunan diri dalam bidang keusahawanan. Ini terbukti apabila sebahagian besar item seperti D1 (min=4.75), D8 (min=4.54), dan D7 (min=4.43) berada pada tahap min tinggi, yang mencerminkan keterlibatan aktif, motivasi dalaman, dan hasrat jangka panjang untuk memiliki perniagaan sendiri. Sikap ini menunjukkan bahawa nilai keusahawanan bukan sahaja dilihat sebagai kerjaya alternatif, tetapi juga sebagai platform untuk mencapai matlamat peribadi dan sosial. Tambahan pula, min tinggi dalam item seperti D2 (min=4.32) dan D6 (min=4.25) menunjukkan kesediaan responden untuk melibatkan diri secara sukarela dan konsisten dalam program berkaitan keusahawanan tanpa mengira lokasi. Ini disokong oleh kajian Ahmad et al. (2022), yang menegaskan bahawa pendedahan awal kepada pendidikan keusahawanan memberi impak besar terhadap minat dan matlamat jangka panjang belia. Namun begitu, kelemahan ketara dapat dilihat dalam item D10 (min=2.18), yang berada pada tahap rendah, menunjukkan bahawa walaupun responden berminat dan beraspirasi tinggi, komitmen dalam aspek kewangan untuk membiayai pembelajaran keusahawanan masih rendah. Ini mungkin disebabkan kekangan ekonomi atau kurangnya kesedaran tentang pulangan jangka panjang pelaburan tersebut. Kajian oleh Rahman dan Khalid (2021) turut mengesahkan bahawa sokongan kewangan dan insentif merupakan pemacu penting untuk memastikan penyertaan aktif belia dalam aktiviti keusahawanan. Oleh itu, walaupun semangat dan potensi keusahawanan jelas tinggi, intervensi berbentuk bantuan atau geran perlu disediakan bagi menyokong aspirasi ini agar boleh direalisasikan dalam tindakan sebenar.

7.0 Kesimpulan

Majoriti responden menunjukkan penguasaan kukuh terhadap ciri-ciri keusahawanan seperti ketahanan diri, fleksibiliti, tanggungjawab dan semangat bekerja. Walaupun terdapat sedikit kelemahan dalam aspek perancangan jangka panjang, keseluruhan dapatan menggambarkan keupayaan peserta untuk menyesuaikan diri serta komited dalam menghadapi cabaran perniagaan. perkara ini boleh dirujuk dalam dapatan pada Bahagian B,.Bahagian C membuktikan peserta melihat keusahawanan bukan sahaja sebagai kerjaya, tetapi sebagai satu mekanisme untuk keluar daripada kebergantungan pada satu sumber yang malar dan mencapai kestabilan kewangan. Motivasi diri, pengaruh idola, pendedahan kepada ilmu perniagaan, serta sokongan sosial dan kerajaan turut menyumbang kepada aspirasi mereka. Kecenderungan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya utama juga dapat di perlihatkan melalui dapatan ini dan ianya tidak dilihat sebagai satu aktiviti sampingan semata. Peserta mempunyai aspirasi tinggi untuk membina kerjaya keusahawanan, sanggup melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan serta menunjukkan komitmen tinggi dalam mencapai matlamat perniagaan. Ini di terjemah dalam dapatan pada bahagian D soal selidik.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan peserta kursus kimpalan MIG berada pada tahap tinggi, merangkumi pelbagai aspek seperti ciri keusahawanan peribadi, dorongan motivasi, Walau bagaimanapun, kekangan dalam aspek komitmen kewangan untuk melabur dalam pembelajaran keusahawanan masih menjadi halangan. Ini menunjukkan keperluan sokongan dari segi kewangan amat diperlukan bagi meamstikan aspirasi keusahawanan dalam kalangan peserta dapat dirialisasikan..Kesimpulannya, peserta kursus kimpalan MIG memiliki potensi besar untuk menjadi usahawan yang berjaya sekiranya disokong dengan latihan berstruktur, bimbingan berterusan dan bantuan yang bersesuaian. Usaha bersepadu antara institusi latihan, kerajaan dan industri amat diperlukan untuk memupuk dan merealisasikan kecenderungan ini ke arah menjana usahawan teknikal dari sektor pendidikan agama yang mampan.

Rujukan

Amiruddin, M. H., Jafaar, S. N., & Abd Samad, N. (2017). *Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehupayaan Pelatih Pendawaian Elektrik dalam Pembentukan Usahawan Teknikal Di Giatmara Negeri Johor*. Sains Humanika, 9(1–5). https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1184

Daud, S., & Nordin, M. S. (2022). *Elemen Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan Dalam Program Latihan Kemahiran TVET: Suatu Penelitian Terhadap Masalah dan Cabaran*. e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities. ejournals.ukm.my

Malik, M. A. A., Malik, M. H. H. A., Ghazali, J. N., Mohamad, R., Ab Rahman, A., Kairan, O., … Mustapha, M. F. (2020). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Hasrat Keusahawanan di kalangan Pelajar Pengajian Tinggi*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 7(9). https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1720

Mohamad Sattar Rasul, R. A. A., Sulong, B., & Mansor, A. N. (2012). *Kepentingan Kemahiran Kebolehdapatan Kerja Kepada Bidang Teknikal*. Sains Humanika, 59(1). https://doi.org/10.11113/sh.v59n1.189

Mohamad, R., & Othman, N. (2018). *Korelasi Efikasi Kendiri Keusahawanan terhadap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Pra-universiti*. Akademika, 88(2), 59–69.

Amiruddin, M. H., Harun, H., Jalani, N. H., et al. (2014). *Tahap Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir di Politeknik Premier Malaysia*. In Proceedings of the 1st International Seminar on Technical and Vocational Education (TVEIS 2014). https://doi.org/10.13140/2.1.4733.1847

Hashim, N. H., & Yusoff, M. N. H. (2021). *Entrepreneurial elements in TVET curriculum: A Malaysian perspective*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(3), 74–85.

Jamaludin, N., Mohd Noor, N. L., & Mahat, H. (2020). *Keusahawanan dalam bidang kemahiran teknikal: Kajian terhadap pelajar Kolej Vokasional*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 45(2), 45–55.

Ahmad, M. F., & Hassan, R. (2019). *Entrepreneurial inclination among welding technology students in vocational training institutions*. Journal of Technical Education and Training, 11(1), 22–30.